

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, August 6, 2019 9:27 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Dankook University, Korea Selatan Jalin Kerjasama



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

06 OGOS 2019 / 05 ZULHIJAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

DANKOOK UNIVERSITY, KOREA SELATAN JALIN KERJASAMA



UUM ONLINE: Delegasi dari Dankook University, Korea Selatan mengadakan kunjungan hormat ke atas Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani di Balai Tamu, semalam.

Naib Canselor mengalu-alukan ketibaan *Manager Global Education Team, Office of the International Affairs*, Kim Sun Ho dan meluangkan masa bersama berkongsi cerita dan pencapaian UUM.

Kim Sun Ho berbesar hati dengan kesediaan UUM menerima kunjungan dan mengadakan kerjasama akademik.

Menurut Pengarah Pusat Hal Ehwal Dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC), Prof Madya Dr. Mohamad Farizal Rajemi, kunjungan itu bertujuan meninjau peluang menubuhkan *Korean Language* di UUM.

Ujarnya, pertemuan ini diharap dapat menjalin hubungan yang lebih erat di samping bertukar-tukar idea.

Terdahulu, beliau singgah sebentar di Welcome Centre dan berpeluang melawat sekitar UUM serta U-Assist sebelum mengadakan perbincangan dengan pihak CIAC di Bilik Mesyuarat CIAC.

Antara yang dibincangkan dalam mesyuarat itu termasuklah peluang untuk membuat *double degree* dalam *International Business* dan *Korean Studies*, *internship* untuk pelajar Dankook di UUM dan *Program Khas Mobiliti Luar Semester*.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.